



جباتن كحاکيمن شرعيه مليسيا

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA

Aras 2 & 3, Blok D7, Parcel D,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62677 PUTRAJAYA

Tel: 03-8886 4800

Fax: 03-8889 1627

JKSM/100-24/5 Jld. 3( 17 )

11 Jamadilakhir, 1426H/

18 Julai, 2005M

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie  
Mahkamah-mahkamah Syariah  
Negeri-negeri

### Arahan Amalan No.3 Tahun 2005

#### Garis Panduan Pakaian Pendakwa Syarie dan Peguam Syarie Dalam Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil. 1 Tahun 2005 pada 10hb.-12hb. April 2005 bersamaan 1hb.-3hb. Rabiulawal 1426H di Shah Alam, Selangor telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan pakaian Pendakwa Syarie dan Peguam Syarie dalam Mahkamah yang bertindak sebagai wakil mana-mana pihak, bagi Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah, iaitu berpakaian kemas dan menutup aurat:-

- Lelaki** : bersongkok hitam / berserban putih, berjubah khas dan berkot hitam, berkemeja putih, bertali leher gelap dan berseluar panjang hitam atau berbaju melayu hitam dan bersampin hitam serta berkasut hitam.
- Perempuan** : berjubah dan berkot hitam, berbaju kurung berwarna gelap/bercorak hitam putih atau berblaus putih dan berkain hitam dan bertudung putih serta berkasut hitam bertutup.

2. Arahan ini juga meliputi Pegawai Undang-undang dan Pegawai Syariah dari Biro Bantuan Guaman yang hadir ke Mahkamah.

Arahan ini berkuatkuasa mulai 1 Ogos 2005.

(Datuk Sheikh Ghazali Bin Abdul Rahman)  
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia